

Soalan Objektif

1. Apakah gelaran yang digunakan oleh pemerintah kerajaan Kelantan?
 A Sultan
 B Raja
 C Yamtuan
 D Maharaja
2. Penghulu merupakan penguasa pada peringkat mukim. Apakah peranan penghulu?
 A Bertanggungjawab terhadap jajahan atau daerah.
 B Bertanggungjawab sebagai ketua agama Islam.
 C Orang perantara antara rakyat dengan pemerintah.
 D Wakil pontadbir bagi pihak kerajaan.
3. Antara berikut, yang manakah bukan merupakan pelaksanaan upacara istiadat pertabalan?
 A Memporsembahkan naskhah al-Quran
 B Menganugerahkan darjah kebesaran
 C Membaca watakah pertabalan
 D Mengucap keris kuasa
4. Antara berikut, yang manakah bukan warisan seni persembahan?
 A Mek Mulung
 B Wayang kulit
 C Awang Batil
 D Seni silat
5. Kesenian di bawah merupakan seni ukir.



Pilih pernyataan yang betul tentang warisan ini.

- A Sebagai hiasan pada istana, rumah dan bangunan.
- B Diwarisi di Negeri Sembilan dan Perlis.
- C Kebanyakan karya menggunakan motif haiwan.
- D Perhiasan daripada emas dan perak.

6. Pilih pernyataan yang betul tentang perundangan yang dilaksanakan di kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis.
 A Sultan atau Raja berkuasa menyerahkan negeri kepada kerajaan lain.
 B Warganegara berumur 18 tahun atau lebih yang tinggal di dalam negeri layak menjadi Ahli Dewan Undangan.
 C Kedudukan Sultan atau Raja sebagai Ketua Negeri.
 D Kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diketuai oleh Sultan atau Raja.
7. Maklumat berikut merupakan salah satu karya sejarah kerajaan Kedah.

- Dihasilkan pada tahun 1821.
- Mengisahkan pengasasan kerajaan Kedah dan pengislaman pemerintah.

Apakah karya sejarah tersebut?

- A Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah
- B Hikayat Merong Mahawangsa
- C Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah
- D Syair Sultan Maulana

8. Apakah syarat penggantian pemerintah bagi kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis?
 I Sultan atau Raja hendaklah lelaki
 II Berasal dari keturunan raja
 III Berbangsa Melayu
 IV Beragama Islam
 A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C II, III dan IV
 D I, II, III dan IV
9. Apakah keunikan Adat Perpatih dalam pelaksanaan hukuman?
 A Mengutamakan mangsa
 B Denda yang berat
 C Hukuman setimpal
 D Bersifat pemulihan
10. Daerah atau jajahan ialah kumpulan ketiga dan terbesar dalam susunan masyarakat Minangkabau. Kumpulan ini dipanggil
 A Suku
 B Luak
 C Perut
 D Negeri